

SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@tth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabung haji.gov.my

Untuk Terbitan Segera

Tabung Haji Agih RM100,000 Zakat Pendidikan Kepada Pelajar Golongan Asnaf

DUNGUN, Ahad, 4 November 2012: Lembaga Tabung Haji (**TH**), selaras dengan komitmennya untuk menyumbang ke arah pembangunan masyarakat khususnya komuniti Islam yang lestari, hari ini mengagihkan bantuan pendidikan kepada 200 orang pelajar daripada beberapa buah sekolah di sekitar daerah Dungun.

Program sumbangan pendidikan yang dimulai di negeri Johor pada pertengahan bulan Oktober lalu akan dilaksanakan di seluruh negara dan dijangkakan selesai sebelum tamat sesi persekolahan 2012. Bagi tahun ini, **TH** mensasarkan pengagihan zakat pendidikan berjumlah RM1.15 juta kepada 2,300 orang pelajar di seluruh negara.

Dalam majlis ringkas yang diadakan pada hari ini, **TH** telah mengagihkan sumbangan zakat pendidikan sebanyak RM100,000.00, dimana setiap pelajar menerima sumbangan RM500.00, yang berupa kelengkapan persekolahan bernilai RM200.00 dan wang tunai sebanyak RM300.00 seorang. Sumbangan telah disampaikan oleh Tuan Haji Azillah Itam, Timbalan Pengarah **TH** Negeri Terengganu.

Program sumbangan pendidikan ini selain bertujuan untuk membantu meringankan tanggungan kewangan golongan yang amat memerlukan khususnya dalam membuat persiapan untuk sesi persekolahan tahun hadapan, juga adalah untuk memastikan bantuan zakat perniagaan Syarikat dapat diagih dan disalurkan terus kepada golongan asnaf yang berhak tanpa melalui pihak ketiga.

Program ini juga diharap dapat mendorong serta menjadi motivasi kepada pelajar-pelajar ini ke sekolah untuk mencari ilmu serta menjadi golongan yang terpelajar dan berakhlak tinggi demi membela dan merubah taraf sosio ekonomi diri dan keluarga.

“**TH** berharap bantuan pendidikan ini akan menjadi pembakar semangat kepada para pelajar untuk lebih berkeyakinan dan bekerja keras dalam menimba ilmu bagi menjamin kejayaan masa depan yang lebih baik, justeru dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga mereka pada masa akan datang,” kata Tuan Haji Azillah Itam.

Antara program-program tanggungjawab sosial korporat yang dirancang dan dilaksanakan oleh **TH** untuk tahun ini kepada golongan asnaf ialah Projek Ehsan iaitu agihan zakat kepada golongan asnaf warga emas, fakir miskin dan ibu tunggal yang dilaksanakan sempena bulan Ramadhan, Projek Bumbung iaitu agihan zakat yang peruntukkan untuk pembinaan rumah bagi golongan asnaf fakir miskin dan Projek Kesihatan iaitu pembelian dan sumbangan mesin hemodialisis di hospital-hospital Kerajaan untuk manfaat pesakit buah pinggang yang bergantung serta memerlukan rawatan ini.

Majlis hari ini turut dihadiri Encik Awang bin Ibrahim, Pegawai Pelajaran Daerah Dungun, Encik Ibrahim bin Ahmad, Ketua Unit Sektor Pendidikan Islam Pejabat Pelajaran Negeri Terengganu, pengetua, guru besar serta pegawai-pegawai dan anggota **TH**.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, hartanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 119 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919.